



06 DEC, 2023

Warga emas seludup lebih sejuta rokok ditahan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Warga emas seludup lebih sejuta rokok ditahan

TAWAU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menahan se orang lelaki warga emas dan merampas rokok seludup bernilai RM868,208 termasuk cukai di dalam stor sebuah rumah di Kampung Kubang Paya, Semporna, 24 November lepas.

Penolong Ketua Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman (*gambar*) berkata, lelaki berusia lingkungan 60-an itu ditahan pada 12.00 tengah hari berdasarkan hasil maklumat orang awam.

"Hasil pemeriksaan di rumah berkenaan menemukan 1,009,600 batang rokok pelbagai jenama dianggar bernilai RM183,520 dan cukai dianggar RM684,688. Kesemua rokok itu dipercayai dari negara jiran untuk pasaran tempatan.

"Modus operandi ialah membawa masuk rokok berkenaan dari negara jiran dan

menggunakan sebuah rumah dijadikan stor penyimpanan sementara sebelum dijual dan diedar ke pasaran sekitar," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut berkaitan kes itu dan orang awam dinasihat supaya memberi kerjasama menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 – Bernama





06 DEC, 2023

Warga emas seludup lebih sejuta rokok ditahan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

TAWAU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menahan se orang lelaki warga emas dan merampas rokok seludup bernilai RM868,208 termasuk cukai di dalam stor sebuah rumah di Kampung Kubang Paya, Semporna, 24 November lepas. Penolong Ketua Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman (gambar) berkata, lelaki berusia lingkungan 60-an itu ditahan pada 12.00 tengah hari berdasarkan hasil maklumat orang awam.